

03/05/1997

Demokrasi jadi landasan kaji semula ISA

SEKALI lagi kita diberitahu bahawa kerajaan akan meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA. Tetapi ia sekadar meminda dan bukan menggugurkannya sama sekali. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata di Melaka, undang-undang itu akan dikaji untuk melindungi negara daripada `anasir jahat`.

"Dalam sebuah negara pelbagai bangsa kita memerlukan akta itu untuk menghindarkan ancaman kepada negara kita," katanya.

ISA akan menjamin rakyat terus menikmati kemajuan dan kestabilan. Tegasnya kerajaan akan menggunakan akta itu ke atas pihak atau orang perseorangan yang mengganggu keamanan negara.

Kenyataan Megat Junid itu bukanlah yang pertama dibuat kerajaan mengenai usaha mengkaji dan meminda ISA. Dalam setiap kenyataan ditegaskan, sementara kerajaan memang sedia mengkaji ISA, ia tidak bermaksud menghapuskannya.

Seruan ISA dihapuskan sesekali terdengar daripada pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dan pembangkang. Mereka memberi alasan bahawa akta itu bertentangan dengan hak asasi manusia dan kebebasan individu.

Satu alasan lain ialah ISA tidak sesuai lagi kerana negara dalam keadaan aman terutama selepas Parti Komunis Malaya dibubarkan.

Seperti kenyataan Megat Junid itu, kerajaan memberikan alasan bahawa walaupun bahaya komunis dapat dilenyapkan tetapi bahaya perkauman masih wujud.

Kerana itu kerajaan memerlukan akta seperti ISA untuk mencegah bahaya ketegangan perkauman di negara ini.

Bagaimanapun, harus diakui terutama sejak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memimpin negara, ISA tidak dipergunakan ke atas orang politik. Kebanyakan mereka yang ditahan mengikut akta itu melakukan jenayah yang merugikan negara. Umpamanya, pegawai yang memalsukan kad pengenalan atau mereka yang menggunakan kedudukan meluluskan pendatang haram ataupun pengedar dadah.

Mereka yang menentang kewujudan ISA pula mendasarkan bantahan atau dasar prinsip bahawa akta itu pada pokoknya berlawanan dengan hak kebebasan manusia dan bertentangan dengan demokrasi negara. Menurut mereka, selagi ISA berkuatkuasa, rakyat takut menyatakan pendapat dan bergerak serta berorganisasi secara bebas.

Jika ISA dipinda, ia bukanlah kali pertama akta itu dikaji semula dan dipinda. Pengkritik mendakwa ISA yang berkuatkuasa sekarang adalah hasil pindaan itu, malah lebih ketat daripada Undang-Undang Darurat ciptaan British dahulu.

Apabila British menguatkuasakan Undang-Undang Darurat, alasan mereka ialah akta itu diperlukan untuk menentang komunis.

Akta itu yang diakui berlawanan dengan hak asasi manusia memang berkesan hingga akhirnya berjaya menghapuskan keganasan komunis.

Undang-Undang Darurat, menurut mereka yang mempertahankannya, memberi ruang kepada kerajaan British dan selepas itu kerajaan kita membangun negara. Malah hingga hari ini ISA dipertahankan atas alasan tanpa akta luar biasa itu, negara tidak mungkin mencapai kestabilan politik dan pembangunan ekonomi seperti sekarang. Sehubungan itu, harus diakui juga isu ISA tidak menjadi isu yang begitu besar di kalangan masyarakat.

Kehidupan rakyat yang makmur dalam sekitaran begitu selesa menyebabkan kebanyakan kita alpa terhadap akta itu. Sejak Dr Mahathir memimpin negara,

ISA jarang sekali dipergunakan melainkan ketika Operasi Lalang, itupun kerana kestabilan negara terancam akibat ketegangan yang tercetus daripada politik perkauman.

Ekoran daripada demonstrasi terhadap kedatangan pemain kriket Israel ke negara ini, akta biasa dipergunakan ke atas mereka yang ditahan polis kerana disyaki melanggar akta.

Juga dalam demonstrasi mengenai Timor-Timur, akta biasa dipergunakan oleh pihak berkuasa ke atas mereka yang ditahan atas tuduhan mengganggu keamanan umum.

Setakat ini tidak diketahui apakah pindaan yang akan dibuat dalam akta itu. Berdasarkan kenyataan rasmi seperti kenyataan Megat Junid di Melaka, dasar akta itu barangkali tidak berubah iaitu dasar menggunakan ISA terhadap anasir yang disyaki mengganggu kestabilan dan keutuhan negara.

Golongan itu termasuk anasir yang bertindak mengancam keharmonian hidup antara kaum, golongan yang mengkhianati pembangunan ekonomi serta anasir yang menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk merosakkan kewibawaan kerajaan seperti kakitangan kerajaan yang rasuah serta mereka yang tidak menunaikan amanah rakyat.

ISA dipergunakan kerana kesalahan mereka yang ditahan mengikut akta itu tidak dapat dibukti secukupnya di mahkamah. Inilah kelemahan yang sering menjadi asas bantahan penentang akta itu. Kesalahan mesti dibuktikan dalam mahkamah terbuka, menurut mereka. Dalam mengkaji akta itu, kerajaan tentu mengambil kira pendapat mereka yang tidak senang terhadap akta itu.

Sementara akta itu dirasakan masih perlu demi mempertahankan kestabilan politik, ekonomi dan sosial, hendaknya dipertimbangkan juga hakikat negara ini menghayati sistem demokrasi dan sebuah negara hukum.

(END)